PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

| | |
|---|---|
| Newspaper | Mingguan Malaysia |
| Date | 11 October 2015 |



# Najib doa terbaik cari murid Orang Asli

KUALA LUMPUR10 Okt - Datuk Seri Najib Tun berharap pasukan mencari dan menyelamat meneruskan usaha dalam melakukan yang terbaik untuk mengesan dua lagi murid Orang Asli Sekolah Kebangsaan (SK) Tohoi yang hilang sejak 23 Ogos lalu.

Perdana Menteri berkata, beliau melahirkan kelegaan dua daripada tujuh murid berkenaan ditemui selamat namun pada masa sama berkongsi kesedihan terhadap dua murid yang disahkan meninggal dunia.

"Dua murid SK Tohoi yang hilang telah dijumpai selamat, Alhamdulillah. Tetapi pada masa sama, saya berkongsi kesedihan keluarga dua lagi yang ditemui telah meninggal dunia. Semoga roh mereka dicucuri rahmat.

"Pihak mencari dan menyelamat akan meneruskan usaha dan melakukan yang terbaik. Kita teruskan berdoa imtuk mereka," katanya dalam satu kenyataan di laman Facebook miliknya.